



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 3 (30)
Takwim : 26 Rabi'ulawwal 1439H
Tarikh : 15 Disember 2017

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-Negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2017
**Keperluan Dokumen Bagi Pengeluaran Sijil Perakuan Jawatankuasa Naziran
Pertindihan Kes**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2017 pada 4 hingga 6 Muharam 1438H bersamaan 25 hingga 27 September 2017 di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bukit Tinggi, Pahang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berkaitan Keperluan Dokumen bagi Pengeluaran Sijil Perakuan Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes adalah seperti yang berikut:

- (1) Senarai salinan dokumen yang diperlukan oleh Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes adalah:
 - i. Kronologi kes;
 - ii. saman dan penyata tuntutan atau notis permohonan dan affidavit yang lengkap bertarikh dan dicap meterai (tidak perlu lampiran eksibit);
 - iii. affidavit penyampaian;
 - iv. permohonan atau perintah interim secara ex-parte (jika ada); dan
 - v. salinan muka hadapan kulit fail yang mengandungi butiran resit dan tarikh pendaftaran.

SYARIAH ASAS KEADILAN




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO. AR 3800

LAIN-LAIN

- (2) Satu Sijil Perakuan akan dikeluarkan dan diserahkan kepada pihak-pihak bagi mengesahkan keputusan Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes agar dimaklumi, diterima dan hendaklah dihormati oleh semua pihak.

Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 13 Tahun 2002 dan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2003.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' HJ. MUKHYUDDIN BIN IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA